

13 tahun banjir kilat hantui pekilang



CHONG LIM



GAN KWEE CHONG



KOH KENG YEOW

KEPONG 31 Jan. - Beberapa pemilik dan pengusaha kilang kecil di Sri Industrial Park, Off Jalan Kepong, di sini menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di situ yang sudah berlarutan sejak 13 tahun lalu.

Penyewa dan pemilik perniagaan itu terutamanya di Jalan 10/34B mendakwa, terbaru masalah banjir kilat tersebut telah diadukan kepada DBKL dua bulan lepas, namun sehingga kini mereka hanya dimaklumkan satu kajian komprehensif sedang dibuat.

Dakwa mereka lagi, banjir kilat di kawasan tersebut berpunca daripada bentuk geografi jalan yang lebih tinggi menjadikan kawasan kilang berada di tanah rendah dan diburukkan lagi dengan keadaan longkang cetek.

Akibatnya, 10 buah premis perniagaan yang seolah-olah berada di kawasan lembah akan ditenggelami air setinggi 0.8 meter setiap kali hujan lebat selama kira-kira 45 minit.

Tinjauan *Utusan Malaysia* hari ini mendapati kesan banjir dapat dilihat dengan jelas di dinding premis tersebut membuktikan kawasan itu kerap dilanda banjir.

Semua barangan dan mesin di dalam premis juga terpaksa dinaikkan bagi mengelakkan dari rosak ditenggelami air, malah pekilang tersebut terpaksa membina tembok batu di pintu premis mereka bagi mengelak limpahan banjir terus masuk ke dalam kilang.

Seorang pemilik kilang percetakan, **Chong Lim**, 49, berkata, beliau kerugian ribuan ringgit setiap kali berlaku banjir kilat.

"Sampai bila saya hendak menanggung rugi akibat banjir? Kerugian juga dialami dari segi masa dan menjejaskan produktiviti perniagaan.

"Sebenarnya masalah ini boleh diatasi segera tanpa perlu menunggu sehingga 13 tahun jika DBKL benar-benar prihatin," katanya.

Seorang pemilik kilang, **Gan Kwee Choo**, 43, berkata, kawasan kilang yang lebih rendah dari jalan raya dan keadaan longkang menjadi punca utama banjir kilat sering berlaku di situ.

"Masa mula-mula beli kilang ini dulu saya tidak sangka masalah banjir boleh berlaku kerana kawasan lain tidak ditenggelami air tapi apabila sudah jadi macam ini, hendak cari penyewa pun susah.

"DBKL wajar mempercepatkan kerja-kerja pembaikan bagi mengelak banjir daripada berterusan yang akhirnya akan menjejaskan nilai hartanah di kawasan industri ini," katanya.

Bagi **Koh Keng Yeow**, 41, masalah banjir bukan sahaja merugikan dari segi masa dan wang ringgit, malah boleh menjejaskan kesihatan pekerja kilang di situ.

"Setiap kali banjir, air busuk yang mengalir boleh mendatangkan kemudaratan kepada kami dan penduduk sekeliling.

"Jadi DBKL perlu memandang serius perkara ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kami tetapi juga orang ramai yang



YEE Poh Ping (tiga dari kiri) mengukur ketinggian paras air akibat banjir kilat yang biasa dihadapi pekilang di Sri Industrial Park Kepong, Selangor, semalam.

menggunakan jalan di kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pemuda MCA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Yee Poh Ping ketika melawat kawasan tersebut baru-baru ini berkata, beliau kesal kerana DBKL lambat bertindak untuk menyelesaikan masalah banjir walaupun isu itu sudah beberapa kali diadukan kepada pihak berkuasa tersebut.

"Dua bulan lepas Jabatan Kerja Awam DBKL ada datang meninjau lokasi ini dan hanya memaklumkan satu kajian komprehensif perlu dibuat sebelum kerja-kerja pembaikan dilakukan

"Saya harap DBKL dapat mempercepatkan proses kajian ini dan melakukan pembaikan segera bagi menamatkan derita pekilang-pekilang di sini.

"Saya juga kesal kerana DBKL masih belum melantik kontraktor penyelenggaraan untuk memastikan kebersihan kawasan ini setelah kontrak mereka tamat pada tahun lalu," katanya.

Jelas beliau, faktor ketiadaan kontraktor untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan di sesuatu kawasan juga menjadi penyumbang kepada banjir kilat yang lebih teruk.

"Saya merayu agar DBKL melihat masalah banjir kilat di Sri Industrial Park, Off Jalan Kepong ini sebagai satu masalah serius yang perlu diberi perhatian segera.

"Sudah jelas, faktor berada di kawasan tanah rendah dan sistem perparitan yang tidak sempurna menjadi penyumbang utama kepada banjir kilat di kawasan kilang ini," katanya sambil berharap kajian komprehensif DBKL disusuli dengan tindakan pembaikan segera.